

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Konsep sendiri adalah satu pembolehubah yang sangat penting dalam menjelaskan segala tingkahlaku dan perlakuan manusia. Ia merupakan satu tindakbalas yang boleh dipelajari dan ini akan membentuk satu jangkaan yang positif ataupun negatif terhadap diri sendiri dan pembentukan peribadi seterusnya. Konsep sendiri seseorang itu sebenarnya telah lama terbentuk semenjak seseorang itu masih kanak-kanak. Ini adalah kerana pada ketika itu lagi kanak-kanak sudah mula menyedari bahawa mereka adalah individu yang istimewa dan mempunyai banyak perbezaan dan kelainan daripada individu yang lain. Ini diikuti pula pada tahun-tahun awal prasekolah yang dialami oleh kanak-kanak tersebut di mana mereka tidak kira kanak-kanak lelaki ataupun perempuan akan mula menyedari tentang keadaan ciri-ciri fizikal mereka begitu juga dengan perbezaan peranan yang harus mereka mainkan.

Terdapat 9 aspek yang perlu dirujuk untuk menerangkan tentang konsep sendiri seseorang. Aspek-aspek tersebut ialah identiti sendiri, kepuasan sendiri, tingkahlaku sendiri, sendiri fizikal, sendiri peribadi, sendiri moral dan etika, sendiri keluarga, sendiri sosial dan kritik diri. Namun begitu dalam kajian yang dijalankan, akan hanya lebih banyak merujuk kepada aspek sendiri keluarga di mana bahagian ini lebih bertepatan dengan tajuk yang bakal dikaji iaitu " Konsep Diri Remaja Dan Kaitannya Dengan

Pengaruh Keluarga". Bahagian sendiri keluarga ini sebenarnya lebih memberi gambaran tentang perasaan dan persepsi diri terhadap kepentingan dan fungsi diri kepada keluarga, termasuk juga penerimaan keluarga terhadap diri sendiri iaitu kesedaran tentang setakat mana diri berharga dan bermakna kepada keluarga.

Komunikasi yang berbeza antara ibu bapa dan anak akan memberi kesan yang berbeza ke atas perhubungan diri individu. Ini adalah kerana konsep sendiri ini adalah merupakan bagaimana seseorang itu berpendapat dan menganggap dirinya berdasarkan kepada kesedaran tentang kelebihan atau kekurangan di samping segala maklumat dan tindak balas yang diterima daripada orang lain.

Walaupun telah ditegaskan daripada awal lagi bahawa pembentukan konsep sendiri seseorang individu itu telah bermula semenjak kecil namun kajian ini lebih menekankan kepada pembentukan konsep tersebut kepada remaja memandangkan bahawa pada zaman remaja inilah berlakunya satu pencarian dan penetapan sendiri yang serius dalam diri seseorang individu.

Rolf E. Muus (1982) yang membincangkan tentang teori-teori remaja berpendapat bahawa pandangan Erikson tentang remaja adalah tepat di mana Erikson mengatakan bahawa zaman remaja merupakan suatu zaman di mana seseorang individu itu perlu membina identiti sendiri. Identiti sendiri bermakna telah melibatkan seseorang remaja untuk mencari jawapan terhadap segala kemusykilan mereka tentang peranan dan siapakah diri mereka yang sebenarnya.

Pandangan Erikson ini jelas menunjukkan bahawa dalam mencari dan membentuk identiti sendiri, para remaja akan turut mempersoalkan secara serius tentang segala peranan dan tanggungjawab mereka. Sama ada tanggungjawab terhadap diri sendiri mahupun keluarga. Remaja juga akan mula mencari-cari pemahaman dan pengertian tentang perbezaan di antara dirinya sendiri dengan semua individu lain dari segala aspek yang berhubung dengan nilai-nilai dan identiti.

Seterusnya kajian ini mengaitkan pula pembentukan konsep sendiri remaja dengan pengaruh dan keadaan keluarga, memandangkan pembentukan tersebut adalah dibina melalui interaksi dengan orang lain dalam kehidupan remaja. Remaja akan mudah terdedah kepada pelbagai jenis pengaruh di sekeliling mereka. Pengaruh-pengaruh tersebut mungkin dapat mempengaruhi keputusan mereka dalam proses pembentukan sendiri tersebut sekiranya mereka menerima sesuatu itu tanpa adanya pemahaman dan pengertian yang mendalam. Pengaruh awal yang diterima oleh remaja iaitu daripada keluarga adalah mempengaruhi pembentukan konsep sendiri mereka.

Pembentukan konsep sendiri di kalangan remaja dipilih memandangkan zaman remaja dianggap sebagai suatu zaman yang sangat kritikal dalam segala zaman atau peringkat perkembangan individu kerana pada masa inilah banyak berlakunya perubahan-perubahan yang agak radikal kepada para remaja sama ada daripada segi fizikal ataupun psikologi.

Remaja sebenarnya boleh diberikan pelbagai pengertian apabila dilihat daripada sudut yang berlainan. Ada yang mengaitkannya dengan konsep-konsep kematangan, baligh dan juvana. Ada pula yang melihatnya dari sudut biologi, psikologi dan sosiologi.

### **Pandangan Umum**

Pada fahaman umum, remaja ialah anak muda yang beransur-ansur berkembang menjadi dewasa, yang mulai matang atau pandai berfikir sendiri dalam membezakan antara yang baik dan yang buruk, yang betul atau yang salah. Remaja juga sering dikaitkan dengan istilah arab iaitu 'akil baligh', iaitu sudah cukup umur untuk berkahwin apabila timbul rasa cinta kasih sayang. Namun begitu, pada masa-masa akhir ini ia sering dikaitkan dengan konsep juvana, iaitu satu istilah yang dipinjam daripada bahasa Inggeris "juvenile" yang bererti anak muda. Jadi, jika dilihat daripada konsep ini, remaja ialah golongan yang bukan lagi kanak-kanak tetapi dalam masa yang sama bukan pula orang dewasa. Ringkasnya, remaja ialah mereka yang sedang mengalami proses pemantapan fizikal, intelek, rohani dan emosi. Umur mereka pula adalah di antara 12 hingga 21 tahun.

### **Pandangan Biologi**

Jika dilihat daripada sudut biologi pula, golongan remaja ini ialah merupakan satu masa kematangan seseorang kanak-kanak daripada segi fizikal dan seksual iaitu pertumbuhan dan perubahan penting telah berlaku dalam dirinya. Dalam masa

perkembangan ini, segala anggota fizikalnya, sama ada dalaman atau luaran semuanya akan membesar dan semakin berfungsi. Saiz badannya akan berubah, tubuh akan menjadi semakin tinggi, besar dan berat. Pada masa yang sama proses kematangan seks akan berlaku. Menurut King (1914), remaja perempuan akan mencapai tahap kematangan atau baligh pada usia 12 tahun sementara remaja lelaki pada usia 13 tahun. Alat-alat kelamin yang utama akan menjadi semakin matang dan semakin berfungsi. Kematangan seksual ini tidak hanya terhad kepada kepada pembesaran alat-alat pembiakan semata-mata, tetapi juga perubahan sifat-sifat seksual yang lain seperti raut muka, bentuk badan, kekuatan tenaga dan lain-lain lagi. Menurut Brooks-Gunn, (1988); Brooks-Gunn & Warren, (1988), walaupun pada zaman ini para remaja akan mengalami perubahan pada tubuh badan mereka, namun masa dan setakat mana perubahan itu berlaku adalah berbeza-beza di antara seorang remaja dengan remaja yang lain. Kenyataan ini juga disokong sepenuhnya oleh Vaughan & Litt, (1990).

### **Pandangan Psikologi**

Daripada sudut psikologi pula ia dilihat sebagai satu sudut rohani atau kejiwaan. Segala tingkahlaku dan perlakuan remaja dilihat sebagai hasil yang timbul akibat daripada pergolakan perasaan yang sedang mereka alami dan bukannya satu kesalahan yang besar. Salah satu sebabnya ialah kerana terlalu sangat memikirkan tentang penampilan mereka dan penerimaan orang lain terhadapnya. Menurut Dacey, (1986); Elkind, (1984); Winship, (1991), perasaan sedemikian dirasai dan dilalui oleh kedua-dua jantina perempuan dan lelaki Oleh yang demikian, daripada sudut psikologi, remaja adalah masa yang timbul apabila perasaan kejantinaan dan perasaan bimbang serta keliru

dalam diri seseorang mula wujud semasa proses menuju kematangan. Perasaan remaja 'pada ketika ini dikenal pasti sebagai sangat sensitif dan sering berubah-ubah. Daripada seorang yang tenang, dia akan mudah menjadi marah, lekas menangis, cepat muram ataupun terlalu gembira. Malah dalam satu kajian yang dilakukan oleh Harter,(1990a); Simmons & Blyth, (1987), pandangan remaja terhadap diri mereka dan penerimaan mereka terhadap keadaan dan penampilan itu adalah sangat penting kerana ia dapat mempengaruhi penghargaan sendiri mereka.

Pada masa yang sama ia akan cuba untuk mendapatkan kebebasan emosi daripada ibu bapa , mencari rakan sebaya dari kalangan berlainan jantina, dan mencari seseorang untuk disayangi sebagai memenuhi keperluan emosinya. Menurut Douvan & Adelson, (1966); Offer, (1969); Offer & Offer, (1975), sebenarnya konflik yang muncul di kalangan remaja dengan ibu bapa adalah kerana mereka hanya inginkan kebebasan daripada keluarga. Akan tetapi sebenarnya dalam masa yang sama sebenarnya mereka inginkan perhatian, kasih sayang nasihat dan penghargaan daripada ibu bapa. Kebanyakan remaja sebenarnya lebih banyak menyokong segala nilai ibu bapa dan akan bertanya pendapat tentang perkara-perkara penting seperti pelajaran dan pekerjaan (Rutter, 1987). Kesimpulannya, zaman remaja ini penuh dengan konflik dalam diri, ketidakseimbangan perasaan dan perlakuan yang tidak menentu, membuatkan seseorang remaja merasakan dirinya sahajalah yang terpenting dan bukannya orang lain. Ini mungkin disebabkan remaja begitu mengikutkan perasaan mereka dan dipengaruhi oleh 'imaginary audience' dan 'personal fable' mereka yang kuat. Kedua-dua keadaan ini menjadikan diri mereka seolah-olah sentiasa diperhatikan orang lain.

Zaman remaja merupakan satu zaman perubahan yang pesat dari segi emosi dan kognitif. Walaupun segala perubahan ini adalah suatu perubahan yang biasa, namun bagi remaja ia adalah sangat berbeza dan penting di mana dalam menghadapinya mereka terpaksa menempuh banyak masalah diri. Masalah ini mungkin berlaku dalam usaha mereka mencari dan membentuk identiti mereka dan mencuba untuk bertanggungjawab, mencapai autonomi sendiri, mencapai tahap perkembangan moral, mengembangkan kecerdasan, mencapai keseimbangan emosi dan lain-lain ciri lagi yang dikaitkan dengan kematangan individu.

Bagi remaja, dalam usaha untuk mencapai kedewasaan, mereka perlulah mencapai konsep sendiri yang tersendiri. Menurut mereka, pencapaian sendiri adalah mereka yang sudah berjaya memikirkan pelbagai pilihan dalam hidup dan seterusnya telah berjaya untuk mula bertanggungjawab dan bertindak secara aktif terhadap segala tindakan dan pilihan yang telah dibuat. Ini adalah kerana pembentukan konsep sendiri seseorang remaja menuntut seseorang remaja untuk bertanggungjawab dan melibatkan cita-cita dan pengharapan remaja tersebut dalam kehidupan.

Sebenarnya dalam proses mencari dan membentuk konsep sendiri, seseorang remaja itu dibantu oleh perkembangan kognitif dan intelek. Ini berlaku apabila mereka sudah mula pandai berfikir secara abstrak tentang sesuatu perkara. Walaupun begitu mereka sering dikalahkan dan dilemahkan oleh sifat egosentrik mereka. Di mana mereka sukar untuk membezakan di antara pemikiran mereka dengan pemikiran individu yang

lain. Mereka merasakan bahawa mereka sentiasa dikawal dan diperhatikan oleh orang lain.

Persekitaran yang pelbagai memberi kesan terhadap pembentukan konsep sendiri remaja adalah juga merupakan satu pengaruh dalam proses pembesaran diri mereka. Oleh itu tidak dapat dinafikan lagi sememangnya masa mereka adalah lebih banyak dihabiskan di rumah bersama ibu bapa berbanding dengan masa yang dihabiskan untuk keluar dalam memenuhi tuntutan kehidupan seperti untuk menuntut ilmu, berkawan, bersiar-siar dan lain-lain. Dalam keadaan normal, seorang remaja akan lebih rapat dan dekat kepada keluarga kecuali sekiranya mereka mempunyai masalah dan tekanan dengan keluarga.

Oleh itu pengaruh keluarga yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengaruh keluarga daripada sudut hubungan ibu dengan bapa, interaksi anak dengan ibu bapa, perhatian ibu bapa terhadap mereka dan masalah anak dengan ibu bapa.

Hubungan antara ibu dengan bapa menjadi satu pengaruh dan memberi kesan yang besar juga terhadap remaja. Sama ada hubungan ibu bapanya baik dan mesra, sentiasa bergaduh, sudah berpisah dan bercerai ataupun hanya berpisah tetapi masih lagi mempunyai ikatan. Menurut Mednick, Baker & Carothers (1987), remaja yang mempunyai keluarga yang saling mengambil berat dan hubungan yang baik sesama ahli akan menjauhkan mereka daripada pembentukan konsep sendiri yang rendah. Ini adalah kerana anak yang datang daripada ahli keluarga yang sering bergaduh atau ibu bapa

sudah berpisah selalunya menjadi mangsa keadaan. Anak-anak yang tinggal sama ada dengan bapa sahaja atau dengan ibu sahaja adalah enam kali lebih negatif dari segi pembentukan sendiri berbanding dengan anak-anak yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa. (U.S. Department of Commerce, 1990). Malah ramai pengkaji telah mendapati bahawa anak-anak seperti ini lebih berkemungkinan berhadapan dengan masalah yang serius seperti emotional, tingkahlaku menyimpang, masalah intelektual, ponteng sekolah, alkohol, dadah, mengandung luar nikah, masalah juvana, penyakit mental dan bunuh diri (Emery, 1988; Mc Lanahan, 1980; Zill & Schoenborn, 1988). Walau bagaimanapun keputusan ini juga bercanggah dengan keputusan yang didapati oleh pengkaji-pengkaji yang lain (Rosen & Neilson, 1982; Farnsworth, 1984; Gray-Ray, 1990; Parson & Mikawa, 1991; White, 1987) yang mendapati bahawa tidak ada pertalian di antara hubungan ibu bapa tunggal dengan masalah remaja.

Seterusnya pengaruh antara interaksi dan komunikasi remaja dengan ibu bapa, sama ada baik atau sebaliknya. Adakah interaksi yang baik akan meningkatkan proses pembentukan sendiri mereka ataupun interaksi yang lemah juga mempunyai kesan yang baik dalam pembentukan sikap mereka. Geismar & Wood, 1986; Henggeler, 1989; Loeber & Dishion, 1983; Loeber & Stouthamer-Loeber, 1986; Snyder & Patterson, 1987, semuanya menyokong bahawa fungsi interaksi dan hubungan yang baik di dalam sesebuah keluarga adalah memainkan peranan yang penting kepada perkembangan seseorang remaja. Ini adalah kerana remaja juga adalah di kalangan mereka yang sentiasa mencari dan memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Walaupun mereka pada dasarnya inginkan kebebasan, namun erti kebebasan yang mereka inginkan

masih lagi di bawah kawalan dan perhatian ibu bapa. Oleh itu perhatian dan penjagaan daripada ibu bapa juga turut memberi pengaruh dalam proses pembentukan konsep sendiri mereka. Mereka masih inginkan nasihat daripada ibu bapa dan belaian kasih sayang. Menurut Kumpfer, 1987; Wright & Wright, 1992; remaja yang kekurangan kasih sayang dan nasihat serta perhatian daripada keluarga akan menyebabkan mereka merasa tersisih dan oleh yang demikian mereka akan mula berkelakuan yang menyusahkan mereka sendiri.

Oleh kerana golongan remaja adalah golongan yang masih mencari-cari identiti diri, maka ada kalanya apa yang mereka lakukan, apa yang mereka katakan dan fikirkan tidak disukai dan disenangi oleh ibu bapa. Apabila keadaan ini wujud, maka masalah antara mereka akan muncul (Huizinga, Esbensen & Weiher, 1991). Apa yang menjadi persoalan adakah masalah yang muncul antara mereka ini akan mempengaruhi pembentukan sendiri mereka dan adakah masalah tersebut juga memberikan kesan.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Konsep diri yang terbentuk adalah hasil daripada pengalaman hidup seseorang. Ini bermakna ia akan terbentuk hasil daripada apa yang ia lalui dan rasai sepanjang proses pembesarannya. Proses pembentukan sendiri ini semakin ketara semasa seseorang itu sedang meniti usia remaja memandangkan inilah saatnya di mana ia mahukan sesuatu yang berlainan dan istimewa buat diri sendiri. Pada masa inilah banyak perkara akan

mempengaruhi keadaannya untuk menentukan apa yang terbaik dan tidak bagi dirinya. Pembentukan konsep sendiri turut diambil berat kerana pada zaman inilah berlakunya satu proses pembentukan imej yang jelas tentang diri sendiri. Ini adalah merupakan satu tugas perkembangan yang sangat penting dalam melalui zaman lewat remaja di mana pada waktu itu sewajarnya satu identiti yang tetap telah terbentuk. Sepatutnya pada zaman ini, konsep sendiri remaja sudah seharusnya terbentuk secara tetap dan konsisten yang seterusnya dapat memimpin perjalanan hidup mereka. Remaja pada masa ini seharusnya mempunyai tanggungjawab kepada suatu sistem nilai termasuklah segala kepercayaan, keagamaan, pekerjaan dan falsafah kehidupan. (Sepanjang proses perkembangannya, seseorang remaja itu akan melalui pelbagai rintangan dan cabaran yang akan mematangkan lagi kehidupannya. Namun begitu oleh kerana kehidupan tidak dapat dipisahkan daripada persekitaran dan pengaruhnya, maka begitulah juga dengan keadaan remaja yang sangat senang dipengaruhi oleh keadaan sekitarnya. Keadaan persekitaran yang sangat memberi kesan kepada remaja sudah tentulah datang daripada keluarganya sendiri ataupun ibu bapanya. Ini adalah kerana ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan mereka sama ada rapat daripada segi hubungan ataupun orang yang paling banyak mereka habiskan masa bersama dan bersua muka. Keadaan ini merupakan satu pengaruh yang besar kepada mereka sehingga remaja walaupun telah mempunyai banyak pengaruh lain di luar setelah melangkah kaki ke dunia luar. Oleh yang demikianlah maka kajian ini mengaitkan pembentukan konsep sendiri remaja dengan pengaruh keluarga dan keadaan keluarga memandangkan pembentukan tersebut adalah dibina melalui interaksi dengan orang lain dalam kehidupan remaja. Remaja akan mudah terdedah kepada pelbagai jenis pengaruh di sekeliling mereka. Pengaruh-pengaruh

tersebut mungkin dapat mempengaruhi keputusan mereka dalam proses pembentukan sendiri tersebut sekiranya mereka menerima sesuatu itu tanpa adanya pemahaman dan pengertian yang mendalam. Pengaruh awal yang diterima oleh remaja iaitu daripada keluarga adalah mempengaruhi pembentukan konsep sendiri mereka. Kefahaman ibu bapa tentang keperluan remaja adalah sangat mempengaruhi pertumbuhan mereka. Oleh yang demikian pertumbuhan individu remaja yang membanggakan sangat memerlukan satu persekitaran yang menggalakkan. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa masalah remaja banyak timbul akibat daripada latar belakang keluarga, contohnya perceraian ibu bapa dan juga kerana kekurangan kasih sayang dalam keluarga.

Di Malaysia, kajian tentang konsep sendiri mula-mula sekali dijalankan oleh Chiam Heng Keng (1976), diikuti pula oleh Prakash kaur (1960), Kalthum Wan Adam (1982), Noraini Yaakob (1982), Fatimah Yusof (1983), Nabun Ahmad (1984), Jamiaah Kechut (1985), Kalthum Othman (1987), Abdul Razak Abdullah (1988), Hamdan bin Mahfoh (1989), Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1991), Kamaliah Abu (1992), Othman bin Md Johan (1992) dan Noraini Abdullah (1997).

Konsep sendiri remaja yang sedang mengikuti pengajian dijadikan sebagai topik kajian untuk melihat sejauh manakah pengaruh ibu bapa dan keluarga terhadap pembentukan konsep sendiri mereka. Pengaruh keluarga yang dimaksudkan disini ialah daripada segi hubungan ibu dengan bapa, interaksi anak dengan ibu bapa, perhatian yang diterima daripada ibu bapa dan juga masalah yang diterima daripada ibu bapa. Pengaruh

daripada ibu bapa adalah sangat memberi kesan kepada kehidupan mereka sama ada kepada pembentukan konsep sendiri, akademik, kerjaya, kejayaan dan lain-lain lagi.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti konsep sendiri para remaja sekolah sama ada pelajar lelaki ataupun perempuan. Seterusnya untuk melihat sejauh mana pembentukan konsep sendiri remaja sekolah tersebut dengan pengaruh keluarga yang mereka terima. Adakah terdapat kaitan dengan sendiri mereka dengan pengaruh keluarga atau tidak.

Secara ringkasnya kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk :

- 1) Untuk mengetahui sama ada terdapat atau tidak perbezaan antara konsep sendiri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- 2) Untuk mengetahui sama ada terdapat atau tidak perbezaan antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan bapa
- 3) Untuk mengetahui sama ada terdapat atau tidak perbezaan antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan ibu

- 4) Untuk mengetahui sama ada terdapat atau tidak perbezaan antara masalah pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan keluarga
- 5) Untuk melihat sama ada terdapat kaitan antara komunikasi ibu bapa dengan pembentukan konsep sendiri pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan.
- 6) Untuk melihat sama ada terdapat kaitan antara masalah remaja dengan pembentukan konsep sendiri pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan

Secara ringkasnya pengkaji telah membuat hipotesis dalam kajian ini yang meramalkan bahawa terdapat beberapa hipotesis iaitu:

- 1) Terdapat perbezaan di antara konsep sendiri pelajar perempuan dengan pelajar lelaki.
- 2) Terdapat perbezaan di antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan bapa
- 3) Terdapat perbezaan di antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan ibu
- 4) Terdapat perbezaan di antara masalah pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan keluarga
- 5) Ada kaitan di antara komunikasi ibu bapa dengan pembentukan konsep sendiri pelajar-pelajar perempuan dan lelaki.
- 6) Ada kaitan di antara masalah dengan pembentukan konsep sendiri pelajar-pelajar perempuan dan lelaki

#### 1.4 SOALAN KAJIAN

Bagi mendapat kepastian akan keberkesanan tujuan kajian ini dijalankan, beberapa soalan kajian telah dikenalpasti agar kajian yang dijalankan tidak akan melencong daripada tujuan sebenar. Di antara soalnya ialah:

- 1) Adakah terdapat perbezaan antara konsep sendiri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?
- 2) Adakah terdapat perbezaan antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan bapa?
- 3) Adakah terdapat perbezaan antara komunikasi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan ibu?
- 4) Adakah terdapat perbezaan antara masalah pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan keluarga?
- 5) Adakah terdapat kaitan di antara konsep sendiri dengan komunikasi ibu bapa dengan anak?
- 6) Adakah terdapat kaitan di antara konsep sendiri dengan masalah anak dengan keluarga?

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang akan didapati hasil daripada penemuannya. Antaranya ialah bagi kepentingan diri remaja. Selama ini banyak pihak hanya menyalahkan para remaja di atas segala kesalahan mereka tanpa mengambil kira segala perkara-perkara lain yang saling berkaitan. Oleh yang demikian dirasakan dengan mengetahui konsep sendiri mereka dan apa yang mempengaruhi proses tersebut akan dapat memberi kefahaman kepada pihak-pihak yang berurusan dengan para remaja.

Apa yang paling penting ialah dengan hasil kajian ini akan dapat membantu para ibu bapa dalam menghadapi zaman remaja setiap anak mereka. Apabila telah mengetahui segala sebab dan punca kepada pembentukan konsep sendiri anak mereka sama ada negatif dan positif, maka ini akan memudahkan mereka untuk mengenalpasti sebabnya dan cara untuk mengatasinya.

Kajian ini juga akan turut membantu ahli-ahli keluarga yang lain selain daripada ibu bapa untuk membantu para remaja ini. Biasanya para remaja tidak begitu rapat dengan ahli keluarga mereka kerana berlainan pendapat dan tingkahlaku, jadi dengan adanya kajian ini akan dapat turut membantu ahli keluarga untuk lebih bertolak ansur dan memahami jiwa setiap yang bergelar remaja.

Tidak kurang juga pentingnya ialah kepada masyarakat sekitar di mana seseorang remaja itu dibesarkan. Masyarakat tidak akan begitu mudah lagi untuk terus mengancam atau menyalahkan para remaja sekiranya mereka melakukan kesilapan kerana masyarakat telah tahu apa sebenarnya di sebalik pembentukan sendiri seseorang remaja itu.

Oleh kerana kebanyakan remaja adalah di kalangan mereka yang masih lagi bersekolah, maka kajian ini akan dapat membantu para guru untuk mengenalpasti segala faktor yang mempengaruhi sendiri seseorang remaja dan akan dapat mencari jalan yang terbaik bagi memperbaiki keadaan mereka. Begitu juga dengan sendiri para remaja, para guru akan berpeluang untuk memperbaiki segala konsep sendiri yang rendah dan negatif setelah mengetahui segala puncanya.

Seterusnya sebagai petunjuk dan bantuan kepada bakal penyelidik lain terhadap isu-isu yang berkaitan dengan para remaja kerana kajian ini dirasakan akan dapat serba sedikit membantu dalam proses untuk lebih mengenali siapa remaja dengan lebih dekat lagi.

## **1.6 LIMITASI KAJIAN**

Oleh kerana kajian ini hanya dilakukan ke atas segelintir kecil sahaja daripada para pelajar di salah sebuah sekolah di bandar Kuala Terengganu, Terengganu, maka hasil kajian ini hanya boleh dilihat kepada para pelajar tersebut atau para pelajar yang hampir sama keadaannya dengan pelajar-pelajar tersebut dan ia tidaklah boleh dibuat sebagai generalisasi terhadap keseluruhan pelajar remaja yang lain. Ini adalah kerana ia hanya ditujukan kepada pelajar kawasan bandar dan bukannya luar bandar. Begitu juga pelajar yang menjadi subjek bagi kajian ini hanya terdiri daripada satu bangsa sahaja iaitu bangsa melayu dan beragama Islam.

## **1.7 DEFINISI FRASA DAN ISTILAH**

Sepanjang kajian ini dijalankan, beberapa frasa dan istilah akan digunakan iaitu:

### **1) KONSEP KENDIRI**

Konsep sendiri didefinisikan sebagai satu kumpulan sikap, pertimbangan dan nilai yang dipegang dan dihayati oleh seseorang berdasarkan kepada tingkahlaku, kebolehan, rupa paras dan harga dirinya sebagai seseorang individu. Menurut Roger (1951), konsep sendiri dan nilai adalah diperolehi melalui interaksi awal dengan orang-orang yang signifikan terutamanya seperti ibu bapa. Sementara itu Fitts (1969) pula mendefinisikan konsep sendiri sebagai persepsi seseorang individu terhadap dirinya sendiri. Menurutnya konsep sendiri adalah suatu yang kompleks dan tidak dapat

dinyatakan di bawah satu tajuk sahaja. Jersild (1963) pula mendefinisikan konsep sendiri sebagai satu petunjuk bagi memahami kesihatan mental, yang mana seseorang individu yang sihat adalah individu yang memahami dan menerima dirinya sendiri. Mc Candless & Evan (1973) pula membahagikan konsep sendiri ini kepada tiga komponen yang saling berkait iaitu konsep sendiri, penghargaan sendiri dan identiti. Sementara itu Felker (1974) pula mendefinisikan konsep sendiri sebagai satu keadaan yang memainkan peranan yang aktif dan dinamik dalam menentukan pengalaman yang akan dilalui oleh seseorang. Menurutnya terdapat tiga fungsi konsep sendiri terhadap tingkahlaku manusia iaitu konsep sendiri sebagai penentu ketekalan dalaman, konsep sendiri sebagai penginterpretasi dalaman dan konsep sendiri sebagai pembina harapan.

## 2) REMAJA

Remaja yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merupakan remaja yang masih lagi bersekolah iaitu remaja yang sedang menuntut di peringkat sekolah menengah yang berumur di antara 15 dan 16 tahun. Menurut Muus (1982), definisi bagi remaja adalah satu golongan yang sedang melalui zaman peralihan daripada zaman kanak-kanak yang tidak bebas kepada suatu zaman dewasa yang bebas. Daripada sudut psikologi pula, remaja merupakan individu yang berada di dalam suasana pinggiran yang memerlukan penyesuaian dan adaptasi baru dilakukan, iaitu dengan membezakan tingkahlaku kanak-kanak dengan tingkahlaku dewasa. Di sinilah remaja perlu mengenali identiti mereka dan apa yang mereka perlukan, apa yang mereka perlu kukuhkan dan kembangkan sebagai persediaan ke arah kedewasaan.

### 3) PENGARUH KELUARGA

Pengaruh keluarga yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengaruh keluarga daripada segi hubungan ibu dengan bapa, interaksi anak dengan ibu bapa, perhatian ibu bapa terhadap mereka dan masalah dengan ibu bapa. Oleh yang demikian apabila membicarakan tentang pengaruh keluarga ianya akan melibatkan kesemua faktor tersebut secara keseluruhan dan bukanlah di antara objektif kajian ini untuk melihat satu persatu faktor pengaruh tersebut ke atas konsep sendiri remaja. Bagi tujuan untuk melihat kaitan di antara pengaruh keluarga terhadap pembentukan identiti remaja, dua ujian diadakan iaitu ujian menguji tahap komunikasi antara ibu bapa-anak dan juga ujian tentang permasalahan remaja dengan keluarga. Ujian permasalahan remaja ini adalah secara umum dan tidak dibahagikan kepada sebarang faktor kerana apa yang hendak dikaji hanyalah secara umum dan bukannya untuk menentukan faktor apakah dalam keluarga yang paling mempengaruhi pembentukan konsep sendiri remaja.